

# Universiti tempatan juga jadi pilihan

**M**ELANJUTKAN pengajian peringkat tertinggi iaitu ijazah sarjana doktor falsafah (Ph.D) terutama ke universiti terkemuka luar negara mungkin menjadi impian ramai pelajar.

Namun begitu masih ramai yang menyifatkan bahawa universiti tempatan terutama institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tidak kurang hebatnya dalam menawarkan pengajian di peringkat Ph.D.

Malah ada yang menyifatkan kemudahan dan kredibiliti yang ada di IPTA dalam pengajian berkenaan lebih menarik dan berprestij jika dibandingkan dengan universiti terkemuka di luar negara.

**Gan Leong Ming**, 28, dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) memilih untuk melanjutkan pengajian Ph.D di dalam negara iaitu di UMP sendiri.

Beliau yang merupakan pensyarah di UMP dalam bidang Kejuruteraan Automotif membuat keputusan tersebut setelah mendapati UMP menawarkan pengajian yang lebih mantap dalam bidang tersebut.

"Dalam pengajian yang saya ikuti, ia memerlukan peralatan canggih yang memerlukan data sebenar dan uji kaji yang sebenar bukan dalam makmal sahaja," katanya.

UMP katanya, mempunyai peralatan canggih seperti *test car* yang mampu mengukur cara kereta bergerak di luar, kemudahan canggih dalam makmal dan peralatan yang terkini.

"Tempat atau universiti di mana kita melanjutkan pengajian Ph.D tidaklah penting dan menjadi masalah tapi yang penting adalah mempunyai penyelia dan kemudahan yang kita inginkan," katanya.

Beliau yang telah menjalani uji kaji dalam bidang berkenaan sejak setahun setengah lalu amat bangga dengan kemudahan moden yang disediakan oleh UMP walaupun universiti itu masih baru.

Sementara itu, **Khariah Ibrahim**, 43 dari Pengurusan Perkhidmatan Kesihatan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) turut memilih untuk melanjutkan pengajian Ph.D di universiti tempatan iaitu di UiTM.

Beliau berpengalaman melanjutkan pengajian dalam ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana di universiti luar negara.

Kali ini beliau mengambil keputusan bahawa sudah tiba masanya pengajian Ph.D dilakukan di universiti tempatan.

"Tempat itu tidak penting, yang penting universiti kita juga diiktiraf universiti yang baik di dunia,"



**ROHANI MOHD**



**KHARIAH IBRAHIM**



**GAN LEONG MING**

katanya.

Malah katanya, melalui pengajian Ph.D yang dilakukan di universiti tempatan secara tidak langsung dapat meningkatkan kemampuan universiti itu sendiri.

"UiTM mempunyai kredibiliti yang baik, kakitangan dan tenaga pengajar yang pakar malah tidak timbul masalah kemudahan yang tidak mencukupi," jelas beliau.

Beliau turut melahirkan penghargaan terhadap sokongan daripada Dekan iaitu Prof. Madya Dr. Rudzi Munap kerana memberi peluang kepadanya untuk melanjutkan pengajian Ph.D.

**Rohani Mohd**, 41 dari Universiti Utara Malaysia (UUM) pula memilih untuk

meneruskan pengajian Ph.D di UUM dalam bidang Pengurusan.

## Pakar

Kata beliau, dalam pengajian Ph.D, mendapat penyelia yang bagus adalah penting apatah lagi UUM mempunyai pakar dalam bidang pengurusan.

Beliau berterima kasih kepada Prof. Madya Dr. Noormala Datuk Amin Ishak kerana sokongannya untuk meneruskan pengajian itu di UUM.

Dalam pada itu, pada tahun ini Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menawarkan biasiswa kepada 1,584 pelajar untuk pengajian doktor falsafah (Ph.D).

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,261 pelajar Ph.D telah menerima tawaran dan ada yang telah berang-

kat ke universiti masing-masing antaranya King's College, Universiti Oxford, Universiti Cambridge, Universiti Queensland, Imperial College dan University Of Edinburgh.

Sementara 323 orang lagi masih menunggu surat daripada universiti yang dipohon.

Penerima biasiswa itu adalah di bawah Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) dan Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB).

Sejak tahun 2005 sehingga Ogos 2008, kerajaan melalui KPT, JPA, Mara dan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah membiayai pengajian Ph.D kepada 3,914 pelajar Malaysia di dalam dan luar negara yang menelan belanja RM837 juta.

Daripada bilangan ini, 39.4 peratus (1,543) pelajar mengikuti pengajian Ph.D mereka di universiti tempatan manakala 30.1 peratus (1,178) lagi di United Kingdom (UK), seramai 792 orang (20.2 peratus) di Australia dan New Zealand.

Selain daripada itu negara lain yang menjadi pilihan pelajar Malaysia untuk pengajian Ph.D mereka ialah di Amerika Syarikat, Jepun, Negara-negara Eropah seperti Jerman, Austria, Denmark dan Finland.

Di Asia pula ialah Singapura, Thailand dan Indonesia sementara di Afrika pula ialah Maghribi dan Afrika Selatan.

Di IPTA pula terdapat 6,521 peme-gang ijazah Ph.D iaitu 1,350 daripadanya adalah pensyarah kontrak.

Selain itu, terdapat 1,479 pensyarah di IPT swasta (IPTS) dan institusi-institusi lain yang juga memiliki ijazah Ph.D yang berkhidmat dalam industri dan agensi-agensi penyelidikan negara.

**IPT tempatan juga mempunyai kelengkapan dan prasarana setanding dengan universiti terkemuka dunia dalam bidang pembangunan dan penyelidikan.**  
- Gambar hiasan

